		<p>6. Nasir, S. M., Hamid, H., Anuar, T. F. T., Marzuki, I. N., Ariffin, M. A., & Tan, T. G. (2021, July). The use of character-driven in educational comics to promote engagement in classroom. In AIP Conference Proceedings (Vol. 2347, No. 1, p. 020185). AIP Publishing LLC.</p>
		<p>7. Tsuji Shyuji, Tengku Fauzan Tengku Anuar and Arif Daetom. 2021. Heritage value, sustainability, and commercialization of smoked clam (etak salai) in Kelantan, Malaysia. Kajian Malaysia.</p>
3.	Conference	<p>1. W. A. Amir Zal, Azwan Abdullah, Nurhanan Abdul Rahman, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok, and Zailani, A. (2021). How The Pandemic Covid-19 Had Forming a Situational Poverty in Malaysia? The 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021), p.g. 15-30.</p> <p>2. Azwan Abdullah, W. A. Amir Zal, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Nurhanan Abdul Rahman, Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok and Mohd Nazri Zakaria (2021). Strengthening Financial Literacy Among the B40 Community in Malaysia for Poverty Eradication: Challenges and Strategies. The 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021), p.g.</p> <p>4. Tengku Fauzan Tengku Anuar, Salini Aina Mamat, W. A. Amir Zal, Azwan Abdullah, Nurhanan Abdul Rahman and Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok (2021). COVID-19 Framework on Human Capital Development of Single Mothers in Kelantan, Malaysia, Malaysia. The 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021).</p> <p>5. Nurhanan, A.R, Nurfarahain, S., W. A. Amir Zal, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok, Azwan Abdullah, Minerals Composition of Ikan Lunak fish products produced by KUNITA Tok Bali Malaysia community during knowledge transfer programme. The 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021), p.g. 211-218.</p>

		<p>6. Analysis of Space Management Following the Successful Transformation of the Malaysia Agriculture Expo Park Serdang (MAEPS) into a Low Risk COVID-19 Quarantine and Treatment Centre. KMICe2021</p> <p>7. Utilising Augmented Reality (AR) Street Art to Revitalise A Deserted Alley in Kota Bharu, Kelantan through Creative Placemaking: A Visual Content Analysis. REKA 2021</p> <p>8. COVID-19 Framework on Human Capital Development of Single Mothers in Kelantan, Malaysia. RENPER 2021</p> <p>9. Memorable Digital Content Of Chinese Culture Heritage Through The Development Of 3d Motion Graphics On Chopsticks Taboos. ICDISST 2nd International Conference on Design Innovation, Social Science & Technology (ICDISST 2021)</p>
4.	Book	<p>1. W. A. Amir Zal, Hafizi M. S., Siti Asma R., Nurhanan, A. R., Tengku Fauzan, T. A. & Azwan, A. (2021). Pemetaan Komuniti Nelayan di Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tok Bali, Pasir Puteh. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan. ISBN 978-967-2912-90-3</p> <p>2. Tengku Fauzan Tengku Anuar & Nurfazirah Shamsudin. (2021). Kampung Adventure with SARAH & ALI: “Know and learn Malaysian Traditional Food Packaging Technique” Read, Learn & Play with Augmented Reality (AR). UMK Press 2021, ISBN 978-967-2912-07-1</p>
5.	Chapter in Book	<p>1. W. A. Amir Zal (2021). Development Approaches for the Orang Asli Laut As An Indicator of ‘Leaving No One Behind?’. In Alizan Mahadi & Nazran Zhafri, Making SDGs Matter: Leaving No One Behind (p.g. 52-68). Malaysia: The Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia and the Konrad Adenauer Stiftung (KAS). ISBN: 978-967-947-319-3.</p>

6.	Keratan Akhbar	1. Azwan Abdullah , Berita Harian (29 Mei 2021), Pengurusan kewangan berhemat sokong capai matlamat WKB 2030
		2. Azwan Abdullah , Kosmo (11 Jun 2021), Kawal wang dengan baik
		3. Azwan Abdullah , Harian Metro (21 Julai 2021), Umpama vaksin tiga serangkai: Inisiatif pakej pemulihan sinonim dengan memulihkan kewangan, emosi serta kesejahteraan rakyat
		4. W. A. Amir Zal , Bernama (31 Mei 2021), Merealisasikan Imuniti Kelompok melalui Gerakan Komuniti
		5. W. A. Amir Zal , Berita Harian (5 Jun 2021), Gerakan Komuniti Bantu Percepat Imuniti Kelompok
7.	Lain-lain penerbitan	1. Abdullah, A., Salleh, M. Z. M., Zakaria, M. N., Zal, W. A., Anuar , T. F. T., & Rahman, N. A. (2021). Zakat in Business as Economic Catalyst For Ummah: Issues And Challenges Among Muslim Entrepreneur.
		2. Hashim, N. A., Muhammad, S. A., Tengku Anuar , T. F., Saidin, M. M., Narayanan, S., Shuhaimi, N. F. (2021). Analisis Kerosakan Struktur Kubu Peperangan Di Jalan Tok Hakim, Kota Bharu, Kelantan. International Journal of Heritage, Art and Multimedia (IJHAM). Volume 4 Issue 15 (December 2021) PP. 61-70. DOI 10.35631/IJHAM.415005
		3. SAARI, F. A., ISMAIL, W. A. A. Z. W., & ANUAR , T. F. T. (2021). Implikasi Covid-19 Terhadap Kemiskinan Kanak-Kanak. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 9(1), 126-133.
		4. ZAHAR, I., SETIAWAN, K., & ANUAR , T. F. T. (2021). Taxonomy Of Photo Categories. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 9(2), 109-127.
		5. ZAKI, M. Z. M., ANUAR , T. F. T., HAPIZ, H. Y., RAK, A. E., & AB RAHIM, Z. U. L. K. I. F. L. I. (2021). Kesan Mengokok Kepada Postur Ergonomics: Kajian Kes Pengokok Etak Warisan Di Kelantan, Malaysia. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 9(2), 128-142.



AKTIVITI INSPEK

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL, JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM KELANTAN (JAHEIK) KE FOOD INCUBATOR InsPeK (FOOD-i) TOK BALI, PASIR PUTEH DAN PEJABAT InsPeK 05 JANUARI 2022

Kunjungan Hormat Delegasi Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) ke Food Incubator InsPeK (FOOD-i) Tok Bali, Pasir Puteh dan Pejabat InsPeK, UMK Bachok. InsPeK telah menerima kunjungan hormat YBhg. Tuan Anuar Al Sadat bin Hj. Noor (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) bersama delegasi yang disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu

Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan hormat ke InsPeK dan FOOD-i (Food incubator InsPeK) di bawah InsPeK Social Enterprise Innovation and Incubation Park (i-SEe) adalah untuk membincangkan kolaborasi yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua pihak dalam pelbagai sudut serta strategi yang boleh dilaksanakan bagi mentranformasi usahawan berpendapatan rendah mendapatkan sijil Halal, GMP dan MESTI.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI CENTER OF EXCELLENCE PITAS (CoE PITAS), TERENGGANU STRATEGIC AND INTEGRITY INSTITUTE (TSIS) ke InsPeK 05 JANUARI 2022

Kunjungan Hormat Delegasi Center of Excellence PITAS (CoE PITAS), Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS) ke InsPeK, UMK Bachok. InsPeK telah menerima kunjungan hormat YBhg. Encik Ahmad Azhar bin Che Ali (Ketua Jabatan Pembangunan Ekonomi dan Sumber Baharu) bersama delegasi yang disambut oleh Pengarah

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan hormat ke InsPeK adalah untuk membincangkan projek penyelidikan yang berpotensi untuk dilaksanakan oleh kedua-dua pihak.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI YB SENATOR DR. HJH. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF (AHLI DEWAN NEGARA, PARLIMEN MALAYSIA) KE InsPeK 10 JANUARI 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat YB Senator Dr. Hjh. Wan Martina binti Wan Yusoff (Ahli Dewan Negara, Parlimen Malaysia) bersama delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk membincangkan strategi menguruskan kesejahteraan dan serta peningkatan kesejahteraan rakyat. Selain itu, YB juga berminat untuk mendengar taklimat daripada InsPeK berkaitan kajian dan program pembinaan kapasiti yang telah dilaksanakan oleh InsPeK terutamanya dari aspek perusahaan sosial.



SIMPOSIUM PENYELIDIKAN & INOVASI ZAKAT MEMACU KELESTARIAN PEMBANGUNAN UMMAH 12 JANUARI 2022

InsPeK telah menerima jemputan daripada Lembaga Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bagi Simposium Penyelidikan & Inovasi Zakat Memacu Kelestarian Pembangunan Ummah. Salah seorang panel bagi program ini adalah Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah selaku Ketua Bahagian Jaringan dan Data Raya.

LZNK
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

SIMPOSIUM PENYELIDIKAN & INOVASI ZAKAT MEMACU KELESTARIAN PEMBANGUNAN UMMAH

12th Jan 2022 9.25-10.00 AM Zoom Facebook Live

SESI FORUM

Dr. Mursyid S. Ag., M. Si
Ketua Prodi Ekonomi Syariah Pascasarjana
Universiti Sultan Ali Mahfuzuddin Raja, Sultanah Nuri
Kulimantan Timur, Indonesia

TASUK
PENYELIDIKAN DAN INOVASI ZAKAT
MEMACU KELESTARIAN PEMBANGUNAN
UMMAH: PENGLAMARAN INDONESIA

Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah
Ketua Bahagian Jaringan dan Data Raya
Institut Penyelidikan & Pengurusan Kemiskinan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur

TASUK
KEPENTINGAN PENYELIDIKAN DAN
INOVASI DALAM MEMBANGUN KEMISKINAN

Dekan Fakulti Pertanian
Prof. Madya Dr. Hajah Rose Binti Abdullah
Universiti Islam Sultan Azlan Shah,
Bintulu, Sarawak, Malaysia

TASUK
CABARAN DALAM PENYELIDIKAN DAN INOVASI ZAKAT
KE ARAH MEMACU KELESTARIAN PEMBANGUNAN UMMAH

SILA IMBAS

UNTUK PENDAFTARAN

TENTATIF SIMPOSIUM

UNTUK BERTANYA:
Dr. Hafifah Binti Zahari
018-253 3166

LAWATAN DELEGASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MoF) KE PROJEK InsPeK, DI SEKITAR JELI 23 JANUARI 2022

InsPeK telah menerima Lawatan daripada Encik Jeffry Yon (Ketua Sekyen, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia) bersama delegasi. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meninjau perkembangan projek-projek InsPeK di Jeli yang memfokuskan kepada perusahaan sosial. Terdapat dua (2)

kategori projek yang dilawati, iaitu 1) UMK-MoF Social Enterprise Project dan 2) Projek perusahaan sosial kerjasama InsPeK UMK dan APPGM-SDG. Matlamat utama kedua-dua projek ini adalah bersama pemegang taruh untuk keluarkan komuniti dari kemiskinan dan tingkatkan kesejahteraan hidup mereka.



PERASMIAN INCUBATOR InsPeK (FOOD-i) DI TOK BALI, PASIR PUTEH, KELANTAN 24 JANUARI 2022

InsPeK telah menubuhkan incubator pertama iaitu FOOD-i di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan. Incubator ini telah dirasmikan oleh Encik Jeffry Yon (Ketua Sekyen, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia) dan disaksikan oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UMK), Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman (Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UMK), Prof. Madya

Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), UMK) dan Puan Khuzaimah binti Hudain (Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kelantan (LKIM)). Matlamat adalah untuk bersama komuniti berpendapatan rendah dan miskin untuk meningkatkan pendapatan melalui aktiviti penyelidikan, serta pembinaan kapasiti berkaitan teknologi makanan dan pertanian, seterusnya bersama dalam isu jaminan makanan.



ISLAMIC SOCIAL FINANCE (ISF) 360 WEBINAR 31 JANUARI 2022

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan di bawah Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan Kewangan dan Pengurusan Harta Islam (IFWMEC) dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), INCEIF dan Yayasan Wakaf Malaysia telah menganjurkan Islamic Social Finance (ISF) 360 Webinar Series secara atas talian melalui Facebook Live InsPeK. Penceramah bagi program ini adalah Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah InsPeK. Tajuk yang dibincangkan melalui program ini adalah Pemetaan 360 darjah Kesejahteraan Komuniti dan Wakaf.

**ISLAMIC SOCIAL FINANCE (ISF)
360 WEBINAR SERIES**

*Pemetaan 360 darjah untuk
Kesejahteraan Komuniti dan Wakaf*

**31 JANUARI 2022 (ISNIN)
10.00 PAGI**

Siri 2

PENERACAMAH
Prof. Madya
Dr. Wan Ahmad Amir Zal
bin Wan Ismail

MODERATOR
Dr. Ahmad Fahme
Mohd Ali

Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) Universiti Malaysia Kelantan

Penyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan, Pelancongan dan Kesejahteraan Universiti Malaysia Kelantan

Program Anjuran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan Kewangan dan Pengurusan Harta Islam (IFWMEC)
Sebuah Program IFWMEC Melalui Serai Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KCP), Kementerian Pengajian Tinggi

KUNJUNGAN InsPeK UMK KE MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DI KUALA LUMPUR 3 FEBRUARI 2022

InsPeK telah menghadiri perbincangan bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Perbincangan ini telah dihadiri oleh Prof. Madya Dr Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) yang dipengerusikan oleh YBhg Ustaz Ahmad Talmizi Bin Yahaya (Pengurus Baitulmal MAIWP). Tujuan utama perbincangan ini adalah untuk kerja bersama untuk menguruskan kemiskinan bandar terutamanya di kawasan Wilayah Persekutuan.



LAWATAN DELEGASI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI KE TAPAK PROJEK InsPeK, DI SEKITAR JELI 9 FEBRUARI 2022

InsPeK telah menerima lawatan daripada delegasi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang disambut oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan dan Akademik, Institut Penyelidikan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meninjau projek-projek InsPeK di Jeli yang memfokuskan kepada perusahaan sosial iaitu perusahaan sosial inoproduk batik berasaskan warna alam dan perusahaan sosial cendawan tiram kelabu.



LAWATAN DELEGASI YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM) KE InsPeK DAN INKUBATOR InsPeK (FOOD-i) DI TOK BALI 10 FEBRUARI 2022

Delegasi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) telah mengadakan lawatan ke InsPeK dan Inkubator InsPeK (FOOD-i) di Tok Bali InsPeK. Lawatan ini diketuai oleh Puan Parihah binti Hassan (Timbalan Ketua Pengarah YaPEIM) bersama delegasi. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk membincangkan modul berkaitan MyHaus, kerjasama yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua pihak dalam pembangunan asnaf dan meninjau Inkubator InsPeK di Tok Bali yang memfokuskan kepada pemprosesan pes dan ikan lunak.



**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF
KERJASAMA STRATEGIK AGROBANK DAN InsPeK
15 FEBRUARI 2022**



Majlis Perasmian Program Pembangunan Asnaf Kerjasama Strategik Agrobank dan InsPeK telah diadakan di Bilik Seminar 1, Bangunan Cansolori, UMK Bachok. InsPeK telah melaksanakan program pembangunan asnaf dengan kerjasama Agrobank bertempat di Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan yang merupakan inkubator InsPeK (FOOD-i). Majlis perasmian ini telah dirasmikan oleh YM Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin (Presiden dan CEO Agrobank). Majlis ini juga dihadiri oleh Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad (Menjalankan fungsi Naib Canselor, UMK), Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UMK), Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), UMK) dan delegasi Agrobank serta staf UMK. Matlamat utama program pembangunan asnaf adalah untuk menguruskan kemiskinan usahawantani asnaf serta berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan mereka bagi menjamin kesejahteraan hidup.

KUNJUNGAN HORMAT INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) di InsPeK DAN DI SOCIAL NETWORK LABORATORY (SNL) InsPeK, DI JELI, TUMPAT DAN PASIR PUTEH 20 - 22 FEBRUARI 2022

Kunjungan Hormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA) di InsPeK, UMK Bachok dan di Social Network Laboratory (SNL) InsPeK, di Jeli, Tumpat dan Pasir Puteh. Kunjungan Hormat ini diketuai oleh YBhg. Encik Azril bin Mohd Amin (Pegawai Eksekutif Institut MASA) serta delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat Institut MASA adalah untuk meninjau projek-projek yang dilaksanakan oleh InsPeK iaitu (1) Perusahaan Inoproduk Batik Warna Alam di Perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli (2)

Perusahaan Cendawan Tiram Kelabu di Perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli (3) Perusahaan Ikan Lunak di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Pasir Puteh, (4) Penternakan ayam kampung kacuk dalam kalangan Orang Kurang Upaya di Telong, Bachok dan (5) Perusahaan ikan bekok di Kampung Geting, Tumpat. Selain itu perbincangan juga diadakan berkaitan dengan kemiskinan, kesejahteraan dan keadilan sosial bagi menguruskan kemiskinan di Malaysia.





KUNJUNGAN HORMAT PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI (UCTC), UKM DI InsPeK 24 FEBRUARI 2022

Kunjungan Hormat Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UKM di InsPeK, UMK Bachok dan di Social Network Laboratory (SNL) InsPeK, di Tumpat dan Pasir Puteh. InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UKM yang diketuai oleh YBhg. Prof Datuk Dr. Rokiah Omar (Pengarah UCTC UKM) serta delegas. Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk membincangkan secara fizikal kolaborasi antara UCTC UKM dan InsPeK UMK dalam bersama menguruskan komuniti melalui pelbagai program dalam skop universiti. Delegasi UCTC UMK sempat meninjau projek-projek yang dilaksanakan oleh InsPeK iaitu Perusahaan Ikan Lunak di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Pasir Puteh dan Perusahaan sosial Ikan Bekok di Kg Geting, Tumpat.

KUNJUNGAN HORMAT PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) DI SOCIAL NETWORK LABORATORY (SNL) InsPeK, DI BACHOK, PASIR PUTEH DAN TUMPAT 15 MAC 2022

InsPeK telah menerima kunjungan hormat Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Social Network Laboratory (SNL) InsPeK, di Bachok, Pasir Puteh dan Tumpat yang diketuai oleh YBhg. Dr Ahmad Basri bin Ibrahim (Ketua Pengurusan Syariah PNB) serta delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk meninjau perkembangan projek/program di bawah "PNB-InsPeK Jiwa Asnaf" serta projek lain yang telah dilaksanakan oleh InsPeK. Antara projek/program yang telah ditinjau oleh PNB adalah (i) Projek ternakan ayam kacuk di Pusat Pemulihan Orang Kurang Upaya Kampung Aur, Telong Bachok, (ii) Program perusahaan sosial kumpulan wanita nelayan (KUNITA) melalui pemprosesan Ikan Lunak di Pasir Puteh (FOOD-i) dan (iii) Program Perusahaan Sosial Ikan Bekok di Kampung Geting, Tumpat.



KUNJUNGAN HORMAT INSTITUT BIODIVERSITI TROPIKA DAN PEMBANGUNAN LESTARI (IBTPL), UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) DI InsPeK 23 MAC 2022

InsPeK telah menerima kunjungan hormat daripada Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diketuai oleh YBhg. Dr. Hazman bin Samsudin (Ketua Program Penyelidikan Pembangunan Ekonomi Komuniti serta Menjalankan Fungsi sebagai Timbalan Pengarah IBTPL) bersama delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk membincangkan secara fizikal kolaborasi antara IBTPL dan InsPeK UMK dalam melaksanakan penyelidikan dan bersama memperkasakan komuniti.



BENGGEL MODUL 2 (ASAS PERANCANGAN PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN) BAGI PROJEK PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN 09 APRIL 2022

InsPeK telah mengadakan bengkel modul 2 iaitu asas perancangan perniagaan dan keusahawanan bagi projek pemerksaan keusahawanan kumpulan OKU Kelantan. Modul ini telah disampaikan oleh YBhg. Encik Hasannuddiin bin Hassan (Pensyarah Kanan, Fakulti Keusahawanan dan Peniagaan (FKP), UMK). Pelaksanaan modul ini adalah untuk membantu peserta OKU dalam merancang perniagaan dan keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh mereka.

MODUL PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN

MODUL 2: ASAS PERANCANGAN PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN

ENCIK HASANNUDDIIN BIN HASSAN
Pensyarah Kanan
Fakulti Keusahawanan dan Peniagaan
Universiti Malaysia Kelantan

09 April 2022 (Sabtu)
08:00 am-02:00 pm

Ruang Kuliah KA01T,
Bangunan Pentadbiran & Akademik (BPA),
Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok

InsPeK FITRA Incubator (FITRA-i)
INSTITUT PENYELIDIKAN &
PENGURUSAN KEMISKINAN
(InsPeK)

OFFICIAL UMK
ENTREPRENEURSHIP
@RUMAHUMK
#InsPeKUMK
#InsPeKUMK

PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN

TEMUBUAL DALAM SEGMENT RANCANGAN BIZ MALAYSIA 11 APRIL 2022

BIZ MALAYSIA

FAIZ SYAHIRAH NIZAM
PENGACARA

MEMPERKASA AGENDA PERLINDUNGAN SOSIAL

PROF. MADYA DR. WAN AHMAD AMIR ZAL WAN ISMAIL
PENGARAH INSTITUT PENYELIDIKAN &
PENGURUSAN KEMISKINAN (INSPEK),
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ISNIN | 11 APRIL 2022
2:00 PETANG

tv3, BERTINA, Freeview, MY, f LIVE, BIZ MALAYSIA, BIZ MALAYSIA

Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK, UMK) telah di jemput sebagai panel dalam segmen Rancangan Biz Malaysia yang bertajuk "Memperksa Agenda Perlindungan Sosial".

BENGGEL MODUL 3 (ASAS KREATIVITI DAN INOVASI DALAM KEUSAHAWANAN) BAGI PROJEK PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU 16 APRIL 2022

InsPeK telah mengadakan bengkel modul 3 iaitu asas kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan bagi projek pemerksaan keusahawanan kumpulan OKU Kelantan. Modul in telah disampaikan oleh YBhg. Puan Fadhilahanim Aryani binti Abdullah (Pensyarah, Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), UMK). Pelaksanaan modul ini adalah utuk membantu peserta OKU supaya lebih kreatif dan berinovasi dalam penghasilan produk yang diusahakan oleh mereka.

BENGGEL MODUL 4 (ASAS PEMASARAN DAN KELESTARIAN PERNIAGAAN) BAGI PROJEK PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN 23 APRIL 2022

InsPeK telah mengadakan bengkel modul 4 iaitu asas pemasaran dan kelestarian perniagaan dalam keusahawanan bagi projek pemerksaan keusahawanan kumpulan OKU Kelantan. Modul in telah disampaikan oleh YBhg. Dr Noormariana binti Mohd Din (Pensyarah, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), UMK). Pelaksanaan modul ini adalah utuk membantu peserta OKU dalam pemasaran produk yang dihasilkan oleh mereka dan untuk meneruskan kelestarian dalam bidang perniagaan yang telah diceburi oleh mereka.

BENKEL PEMANTAPAN IBOX PAVILION DI HOTEL ROYAL CHULAN CHERATING, PAHANG 21-23 APRIL 2022

InsPeK telah mengadakan bengkel pemantapan "iBox Pavilion" dengan mewujudkan "iBox War Room". Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk memantapkan sistem pemantauan projek lokaliti basmi kemiskinan di seluruh Malaysia. Bengkel ini telah dihadiri oleh YBhg Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK, UMK), YBhg En Wan Azlee bin Hj Wan Abdullah (Pengarah Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) , UMK), Ketua Bahagian InsPeK dan Pengawai Penyelidik Sosial InsPeK.



KUNJUNGAN HORMAT YaPEIM KE InsPeK BAGI PERBINCANGAN PROJEK InsPeK-YaPEIM-MAYBANK DAN LAWATAN KE TAPAK PROJEK Myhaus DI InsPeK DAN KAMPUNG SEKITAR BACHOK 26 - 27 APRIL 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat delegasi dari YaPEIM yang diketuai oleh YBhg. Puan Pariyah binti Hassan (Pengarah Kanan YaPEIM) dan disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan dengan lebih lanjut projek InsPeK-YaPEIM-Maybank di Kelantan serta lawatan ke projek rumah komuniti miskin sekitar Kelantan di bawah projek MyHaus.



BENGGEL MODUL 5 (DIGITAL ARTWORK PRODUK KEUSAHAWANAN) BAGI PROJEK PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN

30 APRIL 2022



InsPeK telah mengadakan bengkel modul 5 iaitu digital artwork produk keusahawanan bagi projek pemerksaan keusahawanan kumpulan OKU Kelantan. Modul ini telah disampaikan oleh YBhg. Encik Zulkifli bin Ab. Rahim (Pengurus/ Trainer HRD Corp Zar Biz Solution). Pelaksanaan modul ini adalah utuk membantu peserta OKU dalam penjenamaan produk yang dihasilkan oleh mereka dan untuk meneruskan kelestarian dalam bidang perniagaan yang telah diceburi oleh mereka.

KUNJUNGAN HORMAT BAHAGIAN EKSTREMIS EKONOMI (E5), BUKIT AMAN, POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) di InsPeK

16 MEI 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat dari Bahagian Ekstremis Ekonomi (E5), Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM) YDH SAC Datin Zalena Ariffin (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Ekstremis Ekonomi (E5), Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM)) dan delegasi yang disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK). Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk membincangkan kolaborasi antara kedua-dua belah pihak berkaitan kemiskinan dan kesejahteraan komuniti dan pembentangan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh InsPeK.



LAWATAN DELEGASI AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT), UNIT LATIHAN UNIVERSITI AWAM (SLUA) DAN PEJABAT PENDAFTAR UMK SEMPENA PROGRAM SESI LIBAT URUS DI INKUBATOR FOOD-i InsPeK, TOK BALI, PASIR PUTEH 23 MEI 2022

InsPeK telah menerima kunjungan delegasi dari AKEPT, SLUA dan Pejabat Pendaftar UMK di Inkubator InsPeK. Tujuan kunjungan ini adalah untuk meninjau aktiviti dan produk-produk yang dihasilkan oleh komuniti di Inkubator tersebut. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pemprosesan ikan lunak, pemprosesan pes dan penghasilan lunak roll.



KUNJUNGAN PENANDA ARAS DARIPADA KUNITA SETIU DI INKUBATOR FOOD-i InsPeK, TOK BALI, PASIR PUTEH 24 MEI 2022

InsPeK telah menerima kunjungan delegasi dari KUNITA Setiu di Inkubator InsPeK. Tujuan kunjungan penanda aras ini adalah untuk meninjau aktiviti dan produk yang telah dihasilkan oleh komuniti KUNITA, Tok Bali di Inkubator tersebut. Aktiviti yang dilaksanakan semasa kunjungan KUNITA Setiu adalah pemprosesan ikan lunak, pemprosesan pes dan penghasilan lunak rol.





**TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN
TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) KEPADA 7 UNIVERSITI SATELIT
DI UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI
(JPM) PUTRAJAYA
30-31 MEI 2022**

InsPeK telah mengadakan latihan (TOT) kepada seketeriat lokaliti BMTKM universiti awam. Tujuan TOT dilaksanakan adalah untuk memberikan latihan penggunaan instrumen Pemetaan Kemiskinan 360 Darjah yang akan digunapakai bagi mengumpul data di seluruh Malaysia. Selain itu, TOT ini

juga akan memberikan pendedahan asas untuk menggunakan pangkalan data dan sistem pemantauan khas yang dibangunkan oleh InsPeK, iaitu iBOX BMTKM. Sistem ini akan digunakan oleh EPU JPM bagi pemantauan projek kemiskinan BMTKM di seluruh Malaysia.

LAWATAN KERJA BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD (BPMB) BERSAMA InsPeK KE PERUSAHAAN SOSIAL KAK YAH BUDU TEMPAYAN DI PANTAI GETING, TUMPAT DAN PERUSAHAAN TEMBIKAR MAMBONG DI KG MAMBONG, KUALA KRAI 7-8 JUN 2022

InsPeK telah menerima kunjungan hormat delegasi dari Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) sempena lawatan kerja ke perusahaan sosial Kak Yah Budu Tempayan di Tumpat dan perusahaan tembikar mambong di Kuala Krai yang dihadiri oleh YBhg. Puan Noor Ain Mohd Amin (Group Head, Group Shariah Management), YBhg. Ustaz Zuhairi Zakaria (Head Advisory, Group Shariah Management) dan YBhg. Tuan Haji Ruslan bin Yohman (Head, Zakat Management (Advisory) Group Shariah Management). Tujuan utama lawatan kerja adalah untuk melawat lokasi dan bertemu peserta projek berpotensi untuk pengurusan kemiskinan di Kelantan. Terdapat dua (2) projek yang dicadangkan iaitu projek teknologi hijau ikan bekok di Tumpat berasaskan perusahaan sosial dan perusahaan tembikar mambong di Kuala Krai.





KUNJUNGAN HORMAT PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) DAN RHB ISLAMIC BANK BERHAD KE PROJEK InsPeK DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI SUNGAI RUAL, JELI 14 JUN 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat YBhg. Dr Ahmad Basri bin Ibrahim (Head, Shariaj Management, PNB), YBhg Encik Zaki Fadhil Azizan (Associate Manager, Shariah Management Department, PNB), YBhg Encik Ahmad Mukarrami (Head, Group Shariah Advisory, RHB Islamic Bank Berhad) dan YBhg Encik Hanif Mohamed (Head, Shariah Business Advisory Department, RHB Islamic Bank Berhad).

Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk meninjau projek/ program di bawah InsPeK iaitu program perusahaan sosial cendawan dan inoproduk batik di perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Selain itu, perbincangan juga telah dilaksanakan oleh InsPeK UMK-PNB-RHB berkaitan program/ projek yang boleh dilaksanakan bagi menguruskan kemiskinan.



FORUM JENAYAH DAN LITERASI KEWANGAN MASA KINI SEMPERA PROGRAM PENDIDIKAN LITERASI KEWANGAN KOMUNITI SEJAHTERA DI UMK BACHOK 19 JUN 2022

InsPeK, UMK di bawah inkubator i-Legasi dengan kerjasama Muzium dan Galeri Seni, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengadakan "Forum Jenayah dan Literasi Kewangan Masa Kini" dengan menampilkan dua (2) orang panel iaitu Prof. Madya Dr Azwan bin Abdullah (Ketua Jaringan dan Data Raya, InsPeK, UMK) dan YBhg. Encik Adlis Khairil Sazli bin Mohd Zaini (Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia Kuala Terengganu, BNM) serta YBhg Dr Tengku Fauzan binti Tengku Anuar

(Ketua Bahagian Penyelidikan, InsPeK, UMK) selaku moderator. Forum ini telah dihadiri oleh 100 orang tetamu. Tujuan utama diadakan forum ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada komuniti tentang pendidikan literasi kewangan dan bahaya jenayah kewangan yang perlu ditangani oleh masyarakat dan memberi kesedaran tentang kepentingan kesejahteraan kewangan demi kelangsungan hidup yang lebih bermakna pada masa akan datang.

KUNJUNGAN HORMAT MALAYSIAN INSTITUTE OF INDUSTRIAL TECHNOLOGY (UniKL MITEC) JOHOR BHARU DI InsPeK 26 JUN 2022



InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat delegasi dari Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC) Johor Bahru yang diketuai YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Ishamuddin Mustapha (Dekan dan Ketua Kampus UniKL MITEC). Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk bertukar pandangan bagi kolaborasi memperkasakan modal insan masyarakat dan komuniti miskin melalui TVET khususnya untuk komuniti di Selaran tanah air.

BENKEL ASAS PEMETAAN KOMUNITI KHAS UNTUK YaPEIM DI UMK BACHOK 27-28 JUN 2022

InsPeK telah mengadakan satu (1) bengkel asas Pemetaan Komuniti khas untuk YaPEIM. Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk menghasilkan draf instrumen pemetaan usahawan asnaf di bawah YaPEIM. Selain itu, bengkel ini juga memberikan pendedahan tentang pembinaan instrumen pemetaan komuniti dan tatacara pelaksanaan pengumpulan data di lapangan.



DEMO LUNAK ROLLS SEMPERNA KARNIVAL KOMUNITI PERDANA KPT-UMK 23 JULAI 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Kelantan telah diadakan pada 22 hingga 24 Julai 2022 bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV dan KRT Tanjung Chat, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. InsPeK telah terlibat dalam beberapa slot melalui program ini. Antaranya adalah Demo lunak rolls yang telah diadakan di Dewan KRT Taman Tanjung Chat, Kota Bharu sempena Karnival Komuniti Perdana KPT-UMK. Demo tersebut telah disampaikan oleh lima (5) orang peserta bimbingan InsPeK melalui "Program Perusahaan Ikan Lunak" yang terdiri daripada Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Tok Bali, Kelantan.



SEMBANG SANTAI BERSAMA USAHAWAN IKS KAK YAH DAN KAK PAH IKAN BEKOK 24 JULAI 2022

Program "Sembang Santai bersama Usahawan IKS Kak Yah dan Kak Pah Ikan Bekok" telah diadakan sempena Karnival Komuniti Perdana KPT-UMK. Program ini menampilkan panel usahawan berjaya dalam bidang perusahaan sosial iaitu Puan Wan Sapiah Binti Wan Yusof (Perusahaan budu tempayan dan ikan bekok) dan Puan Noriah Binti Ghazali (Perusahaan ikan bekok). Manakala moderator bagi program tersebut adalah Dr. Tengku Fauzan Binti Tengku Anuar (Ketua Bahagian Penyelidikan, InsPeK, UMK) dan Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah (Ketua Bahagian Jaringan dan Data Raya InsPeK, UMK).



MAJLIS PENUTUP UMK-MoF SOCIAL ENTERPRISE PROJECT 28 JULAI 2022



InsPeK telah mengadakan Majlis Penutup UMK-MoF Social Enterprise Project yang telah dirasmikan oleh wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Puan Nor Erni binti Ismail (Timbalan Pengarah Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)) yang disaksikan oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UKM), Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK, UMK), delegasi MoF dan Wakil daripada UMK. Tujuan diadakan majlis ini adalah untuk menghargai MoF selaku penyumbang dana bagi UMK-MoF Social Enterprise Project dan menghargai 13 ketua program kerana telah berjaya melaksanakan projek ini dengan jayanya dan cemerlang. Melalui program ini InsPeK juga telah mengadakan satu

(1) Seminar Perusahaan Sosial UMK 1.0 yang bertemakan (i) Kelestarian Teknologi dan Nutrisi Komuniti, (ii) Kelestarian Komuniti dan (iii) Kelestarian Pemerkasaan Komuniti. Seminar ini telah dibentangkan oleh sembilan (9) orang pembentang yang merupakan ketua program bagi "UMK-MoF Social Enterprise Project". Tujuan diadakan seminar ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada komuniti dan pemegang taruh berkaitan perusahaan sosial yang telah dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik di UMK. Seminar ini telah dihadiri oleh 50 peserta terdiri daripada pemegang taruh dan Komuniti yang terlibat dengan projek ini. Semoga seminar yang dilaksanakan memberi manfaat kepada UMK, pemegang taruh dan komuniti dalam bersama-sama menguruskan kemiskinan.

KUNJUNGAN HORMAT DARI FAKULTI SAINS SOSIAL GUNAAN (FSSG), UniSZA ke InsPeK 14 OGOS 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat delegasi dari Fakulti Sains Gunaan (FSSG), UniSZA yang diketuai YBhg. Dr Hafis bin Ahmad Simin (Timbalan Dekan Penyelidikan, FSSG, UniSZA) dan delegasi yang disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk bertukar pandangan berkaitan penyelidikan dan pembinaan kapasiti dalam kalangan komuniti miskin. Selain itu, delegasi FSSG UniSZA juga membuat lawatan ke inkubator InsPeK FOOD-i untuk melihat produk ikan lunak dan lunak rolls yang diusahakan oleh usahawanita KUNITA di Tok Bali, Pasir Puteh.



KUNJUNGAN DARI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB) KE UMK KAMPUS JELI 15 OGOS 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan delegasi dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang diketuai YBhg Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan (Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPLB) dan disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan adalah untuk membincangkan dengan lebih terperinci pelaksanaan projek pembangunan di sekitar Gua Musang dibawah pentadbiran KESEDAR yang akan diusahakan oleh InsPeK nanti. Selain itu, delegasi juga membuat lawatan ke projek sedia ada InsPeK, khususnya projek MoF-UMK Social Enterprise Project dan projek di sekitar perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli iaitu perusahaan cendawan dan perusahaan inoproduk batik.



KUNJUNGAN PICKSUM KE InsPeK 17 OGOS 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan delegasi dari PICKSUM iaitu Impact Company yang merupakan "non-profit company limited by guarantee (CLBG)" dan pemangkin strategik kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang diketuai oleh YBhg. En Zul Imran bin Ishak (Penolong Naib Presiden Picksum) yang disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan ini adalah untuk membincangkan kolaborasi yang boleh dilaksanakan antara InsPeK dan PICKSUM bagi mendayaupayakan usahawan belia Malaysia, khususnya belia dari keluarga berpendapatan rendah melalui program pembinaan kapasiti dan keusahawanan.



PIALA SERI ENDON (PSE) 2022 04 SEPTEMBER 2022



InsPeK yang diketuai oleh peyelidik bersekutu, iaitu Cik Nawwal Abdul Kadir dan Dr Tengku Fauzan Tengku Anuar, yang merupakan pensyarah kanan daripada FTKW telah menyertai Piala Seri Endon (PSE) 2022 yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre. Kumpulan 'Jah Ai Sg Rual' mendapat Hadiah Utama bagi kategori 'Kemasan Lembut' Piala Seri Endon (PSE) 2022. Paling istimewa penyertaan kali ini ialah kumpulan Jah Ai iaitu 'Jah Ai Sg Rual' bergandingan dengan dua (2) orang peserta wanita Orang Asli iaitu Fauziah binti Mohd Yusoff dan Norhakiki binti Mohd Zaudi daripada projek InsPeK Inno-product Sungai Rual. Keistimewaan produk daripada kumpulan ini adalah dari segi

penggunaan bahan untuk mewarna batik yang menggunakan 100% warna alam (tidak menggunakan bahan kimia). Bahan pewarna yang digunakan adalah daripada tumbuhan yang dikenali sebagai Indigofera Tinctoria. Reka corak batik juga hasil inspirasi daripada persekitaran perkampungan orang asli Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Pemenang menerima hadiah wang tunai sebanyak RM30k yang akan digunakan untuk R&D produk batik di Sungai Rual. Anugerah ini disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) SIRI KE-2 KEPADA 7 UNIVERSITI RAKAN STRATEGIK BMTKM DI UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) PUTRAJAYA 19 – 20 SEPTEMBER 2022

InsPeK telah mengadakan latihan (TOT) kepada Universiti Rakan Strategik BMTKM bagi siri ke-2. Tujuan TOT dilaksanakan adalah untuk memberikan latihan penggunaan instrumen Pemetaan Kemiskinan 360 Darjah yang akan digunapakai bagi mengumpul data di seluruh Malaysia. Selain itu, TOT ini juga akan memberikan pendedahan untuk menggunakan pangkalan data dan sistem pemantauan khas yang dibangunkan oleh InsPeK, iaitu iBOX BMTKM. Sistem ini akan digunakan oleh EPU JPM bagi pemantauan projek kemiskinan BMTKM di seluruh Malaysia.



MAJLIS PENUTUP PROGRAM PEMERKASAAN KEUSAHAWAN KUMPULAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI UMK BACHOK 27 SEPTEMBER 2022

InsPeK telah mengadakan majlis penutup bagi program pemerksaan keusahawanan kumpulan OKU kelantan. Majlis Penutup disempurnakan oleh YBhg. Prof. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pegawai, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)), Universiti Malaysia Kelantan) yang turut dihadiri oleh Puan Noor Fazlina Abdullah (Ketua Program Pembangunan Masyarakat, Yayasan UEM), Puan Zalina Abdul Hadi (Pegawai Kanan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Yayasan Sejahtera), Wakil dari Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK), para penyelidik dan peserta program.



KUNJUNGAN DARI INSTITUTE FOR INDIGENOUS STUDIES (BorIIS), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) ke InsPeK 02 OKTOBER 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan delegasi dari Institute for Indigenous Studies (BorIIS), UMS yang diketuai oleh YBhg Prof. Madya Dr. Normah Latif (Pengarah BorIIS UMS) dan disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan ini adalah untuk membincangkan dengan lebih serius kerjasama antara InsPeK-BorIIS berkaitan penyelidikan, pembinaan kapasiti, penerbitan dan pertukaran kepakaran. Khususnya melibatkan komuniti Orang Asli, Orang Asal dan Bumiputera.



TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) 29 – 30 OKTOBER 2022



Training of Trainers (TOT) bagi Program Basmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di Universiti Malaysia Sabah (UMS). InsPeK telah mengadakan latihan (TOT) kepada penyelidik dan enumerator dari Universiti Rakan Strategik BMTKM iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS). Tujuan TOT dilaksanakan adalah untuk memberikan latihan penggunaan instrumen Pemetaan Kemiskinan 360 Darjah dan instrumen Kelestarian BMTKM (Pemantauan). Selain itu, TOT ini juga akan memberikan pendedahan untuk menggunakan pangkalan data dan sistem pemantauan khas iaitu sistem iBOX BMTKM.

TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) 08 – 09 NOVEMBER 2022

Training of Trainers (TOT) bagi Program Basmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor. InsPeK telah mengadakan latihan (TOT) kepada penyelidik, pegawai penyelidik dan pembantu penyelidik dari Universiti Rakan Strategik BMTKM iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tujuan TOT dilaksanakan adalah untuk memberikan latihan penggunaan instrumen Pemetaan Kemiskinan 360 Darjah, instrumen kelestarian BMTKM (Pemantauan) dan Persediaan sebelum dan semasa di lapangan. Selain itu, TOT ini juga memberikan pendedahan untuk menggunakan pangkalan data dan sistem pemantauan khas iaitu sistem iBOX BMTKM.



KUNJUNGAN SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI (SPE), UPM KE InsPeK 11 DISEMBER 2022

InsPeK telah menerima Kunjungan Siswa Kursus Ekonomi Malaysia yang diketuai oleh YBhg Dr. Muhammad Daaniyall bin Abd Rahman (Pensyarah Kanan SPE, UPM). Tujuan utama kunjungan ini adalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang gerak kerja serta hasil kajian berkaitan kemiskinan, kesejahteraan dan perlindungan sosial komuniti miskin. Selain itu, pihak SPE juga telah melawat Inkubator InsPeK di SNL Tok Bali iaitu FOOD-i untuk melihat dengan lebih dekat perusahaan ikan lunak dan pes yang telah diusahakan oleh usahawan KUNITA di inkubator tersebut.



LAWATAN PENANDA ARAS KE HiCOE INSTITUT PENYELIDIKAN PERAKAUNAN (ARI) di UiTM SHAH ALAM, SELANGOR 13 DISEMBER 2022



InsPeK telah mengadakan lawatan penanda aras ke HiCOE, Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), UiTM Shah Alam yang diketuai oleh Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail dan disambut oleh Prof. Dr. Jamaliah binti Said (Pengarah ARI). Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan perkongsian dan tunjuk ajar daripada ARI berkaitan HiCOE dan peluang kolaborasi InsPeK-ARI berkaitan komuniti Miskin.

TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) 14 - 15 DISEMBER 2022

Training of Trainers (TOT) bagi Program Basmi Miskin Tegar Malaysia di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang. InsPeK telah mengadakan latihan (TOT) kepada penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP). Tujuan TOT dilaksanakan adalah untuk memberikan latihan dan pendedahan penggunaan instrumen pemetaan kemiskinan 360 Darjah dan instrumen kelestarian Program Basmi Miskin Tegar Malaysia (Pemantauan).





research.umk.edu.my



www.facebook.com/UMKresearch

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)**

Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

No tel : 09-779 7400
Email : tncpi@umk.edu.my